



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMG 214 – Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. (a) Jelaskan konsep pertumbuhan Segitiga di Asia Tenggara. (30 markah)
(b) Huraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan Segitiga di Asia Tenggara. (70 markah)
2. Kemunculan wilayah metropolitan lanjutan di Asia Tenggara melambangkan kepesatan proses rebakan bandar utamanya. Huraikan dengan merujuk kepada dua buah negara Asia Tenggara. (100 markah)
3. Huraikan perkembangan dan kemajuan yang dicapai dalam konteks kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN sejak penubuhannya hingga kini. (100 markah)
4. “Fenomena pertumbuhan penduduk di Asia Tenggara yang tidak terkawal boleh membawa implikasi yang buruk”. Bincangkan. (100 markah)
5. “Reformasi tanah merupakan pemangkin kepada program pembangunan luar bandar di Asia Tenggara”. Bincangkan. (100 markah)
6. Terangkan EMPAT (4) daripada perkara berikut:
 - (a) Anjakan daripada fasa perindustrian gantian import kepada fasa perindustrian berorientasi eksport. (25 markah)
 - (b) Revolusi hijau dalam konteks transformasi luar bandar. (25 markah)
 - (c) Skim penempatan tanah di Asia Tenggara. (25 markah)
 - (d) Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). (25 markah)
 - (e) Bentuk piramid penduduk bagi sebuah negara Asia Tenggara bagi tahun 2010. (25 markah)
 - (f) Kepentingan kajian migrasi terhadap pembuat dasar di Asia Tenggara. (25 markah)